

PERAWI UTAMA SUNNI DAN SYIAH: SUATU ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA AL-ZUHRĪ DAN ZURĀRAH

Oleh:

Wan Ahmad Ikmal b. Wan Mohamed @ Adnan¹
Mohd Khairulnazrin b. Mohd Nasir²

Abstrak

Perawi utama dalam sesebuah sanad memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga keaslian dan ketulenan sesuatu sumber. Justeru, artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan dan menilai secara komparatif antara dua orang perawi utama dalam periwakayan khabar daripada dua golongan umat Islam iaitu Ibn Shihāb al-Zuhri daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Zurārah b. A'yan daripada Syiah. Bagi menilai kredibiliti yang ada pada dua orang tokoh tersebut, penulis membuat perbandingan melalui latar belakang keduanya, sumbangsan dan peranan terhadap aliran masing-masing, kedudukan dari sudut al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, serangan dan kritikan daripada pihak musuh serta taburan periwakayan mereka dalam kitab-kitab utama bagi aliran Ahli Sunnah dan Syiah. Sebagai rumusan, penulis mendapati kredibiliti yang ada pada Ibn Shihāb al-Zuhri diiktiraf dan disepakati oleh Ahli Sunnah walaupun terdapat usaha untuk menjatuhkan beliau oleh golongan Syiah dan Orientalis. Sebaliknya terhadap Zurārah, kedudukannya diperselisihkan oleh para imam Syiah sendiri. Bahkan para ulama Syiah tidak memiliki jawapan yang kental bagi membelanya.

Kata Kunci: Perawi, Syiah, al-Zuhri, Zurārah, Perbandingan

¹ Wan Ahmad Ikmal b. Wan Mohamed @ Adnan, pensyarah Jabatan al-Quran dan Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

² Mohd Khairulnazrin b. Mohd Nasir, calon Sarjana Usuluddin di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

Ketulenan dan kesahan sesuatu riwayat hadis bukan sahaja bergantung kepada teks, malah ia lebih bergantung kepada kredibiliti perawinya. Al-Quran menggesa umat Islam untuk mengenal pasti dan meneliti berita yang dibawa oleh orang fasiq. Justeru, ia membawa konsep pengkategorian manusia berdasarkan sahsiah dan keperibadiannya. Bertitik tolak daripada kefahaman dan penghayatan tinggi ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, khususnya para *muḥaddithīn*, maka mereka telah menyusun garis panduan dan kriteria bagi mengenal pasti riwayat yang disandarkan kepada Nabi S.A.W, sama ada diterima atau ditolak.

Kedudukan perawi memberi pengaruh besar kepada status riwayatnya. Perawi yang memiliki karakter yang amanah, adil, berintegriti dan kuat hafalan menjadi terma utama dalam aspek penerimaan riwayatnya. Sebaliknya perawi yang kafir, terlibat dengan bidaah, fasiq dan lemah hafalan mesti ditolak riwayatnya. Ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* telah meninggalkan satu khazanah besar dengan mendahului aliran-aliran lain dalam merekodkan latar belakang setiap perawi, sama ada dalam aspek sejarah hidup, keperibadian, guru-guru dan murid-muridnya, serta statusnya secara umum. Bidang ini dinamakan ilmu *Ruwāt al-Hādīth*.³ Manakala cabang yang paling signifikan dalam ilmu ini dinamakan *al-Jarh wa al-Ta‘dīl*.⁴

PERIWAYATAN HADIS MENURUT SUNNI DAN SYIAH

Perawi adalah individu yang meriwayatkan hadis daripada Nabi S.A.W. Jumlah riwayat yang disampaikan adalah berbeza. Status penerimaan

³ Dalam ilmu hadis, perawi atau *rāwī* adalah individu yang menerima dan meriwayatkan hadis. Ilmu *Rijāl al-Hadīth*, salah satu cabang daripada ‘Ulūm al-Hadīth telah diperkenalkan oleh Ahli Sunnah untuk membincangkan tentang perawi hadis daripada pelbagai aspek. Butiran-butiran utama yang direkodkan adalah berkaitan dengan sejarah dan biodata perawi hadis, sama ada yang berkaitan dengan nama, gelaran dan *kunyaḥ* mereka; kelahiran dan kewafatan, negeri asal, guru dan rakan sebaya; *tabaqāt* seperti sahabat dan *tābi‘īn*; dan sejarah secara umum dan sebagainya.

⁴ Ilmu *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* terbahagi kepada dua bahagian iaitu, *al-Jarh* dan *al-Ta‘dīl*. *Al-Jarh* bermaksud menyifatkan perawi hadis dengan sifat yang membawa kepada penolakan riwayatnya. Sebaliknya, *al-Ta‘dīl* bermaksud menyifatkan perawi dengan sifat yang membawa kepada penerimaan riwayatnya. Secara umumnya, seseorang perawi itu tidak terlepas daripada tiga keadaan: [Pertama] Dikenali dengan keadilannya, maruahnya yang tinggi dan akhlaknya yang baik; atau [kedua] dikenali umum dengan sifat fasiqnya, tidak bermaruah dan buruk pada akhlaknya; atau [ketiga] tidak dikenali latar belakangnya sama ada baik atau sebaliknya.

hadis dan penolakannya banyak bergantung kepada kedudukan perawinya. Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadis daripada kalangan para sahabat ialah Abū Hurayrah r.h. (-59 H), manakala daripada kalangan *tābi‘īn* pula antaranya ialah Ibn Shihāb al-Zuhrī (-124 H).⁵ Meskipun tidak setanding Sunni, Syiah juga memiliki ilmu periwayatan mereka tersendiri.⁶ Tinjauan kepada kitab-kitab utama menunjukkan bahawa mereka memuatkan sejumlah besar khabar dan ucapan daripada imam-imam, bukan hadis Nabi S.A.W. Perawi utama bagi Syiah ialah Zurārah b. A‘yan (-150 H) yang digelar sebagai perawi daripada tiga imam.⁷

Penulisan ini akan membincangkan secara komparatif dan kritikal tentang Ibn Shihāb al-Zuhrī dan Zurārah b. A‘yan. Perbincangan menyentuh aspek latar belakang perawi, posisi perawi dalam ilmu periwayatan, sumbangan kepada aliran dan kritikan musuh. Pada akhir perbincangan dinyatakan rumusan perbandingan antara dua perawi tersebut.

PENGENALAN RINGKAS IBN SHIHĀB AL-ZUHRĪ

Imam Ibn Shihāb al-Zuhrī (58-124H/678-742) adalah tokoh terkemuka dalam sejarah Islam sebagai perawi utama Sunni. Nama lengkap beliau ialah Abū Bakr Muḥammad b. Muslim b. ‘Ubayd Allāh b. ‘Abd Allāh b. Shihāb b. ‘Abd Allāh b. al-Hārith b. Zuhrah. Kabilah Bani Zuhrah salah

⁵ Selain al-Zuhrī, ramai lagi tokoh-tokoh perawi Ahli Sunnah terkemuka pada zaman *tābi‘īn*. ‘Alī b. al-Madīnī (-234 H) berkata: “Riwayat perawi *thiqah* beredar sekitar al-Zuhrī (-124 H) dan ‘Amr b. Dīnār (-126 H) di Hijāz; Qatādah (-118 H) dan Yaḥyā b. Abī Kathīr (-132 H) di Baṣrah; dan Abū Isḥāq (-129 H) dan al-A‘mash (-148 H) di Kūfah.” Kebiasaannya hadis-hadis yang sahih tidak keluar daripada jalur periwayatan enam tokoh tersebut. Lihat Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad b. ‘Uthmān al-Dhahabī (1998), *Tadhkirah al-Ḥuffāz*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 84.

⁶ Namun, ilmu *Rijāl* dalam Syiah, khususnya dalam aspek *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* mengandungi kontradiksi hukum yang sangat ketara. Kebiasaannya pada seorang perawi mereka terdapat dua pendapat; pendapat yang memuji dan pendapat yang mengkritiknya, malah ada yang dicela dan dilaknat seperti Zurārah b. A‘yan. Lihat İhsān İlāhī Zāhir al-Bākistānī (1979), *al-Sunnah wa al-Shī‘ah*, Lāhūr: Idārah Turjumān al-Sunnah, h. 178-169.

⁷ Syiah juga memiliki perawi-perawi utama daripada imam-imam mereka seperti Burayd b. Mu‘āwiyah Abū al-Qāsim al-‘Ijlī (-150 H), Abū Bāṣir Layth b. Murād al-Bakhtārī, Zurārah b. A‘yan (-150 H), Muḥammad b. Muslim al-Thaqafī (-150 H) dan lain-lain. Sharaf al-Dīn al-Mūsawī menyatakan dalam kitabnya *al-Murāja‘āt* bahawa empat tokoh tersebut telah mencapai kedudukan tertinggi dan dipuji oleh Imam Ja‘far al-Ṣādiq. Lihat Sharaf al-Dīn ‘Abd al-Ḥusayn al-Mūsawī (t.t), *al-Murāja‘āt*. t.q. Ḥusayn al-Rādī, t.t.p: Mu‘assasah Dār al-Kitāb al-Islāmī, h. 529.

satu cabang daripada Kabilah Quraysh. Beliau dilahirkan pada tahun 58H, pada akhir kepimpinan khalifah Mu'awiyah b. Abī Sufyān r.h. Al-Zuhri sejak kecil lagi hidup sebagai anak yatim, tiada harta dan tiada pembimbing.⁸

Ibn Shihāb al-Zuhrī menuntut ilmu sejak kecil dengan menghafal al-Quran dan mempelajari hadis serta fikah. Beliau sempat mendengar hadis daripada beberapa sahabat seperti Ibn 'Umar (-73H), Sahl b. Sa'd (-91H), Maḥmūd b. al-Rabī' (-99H) dan Anas b. Mālik (-93H). Guru beliau yang lain terdiri daripada tokoh-tokoh besar *kibār al-Tābi'iñ* seperti Sa'īd b. al-Musayyab (-94H), 'Urwah b. al-Zubayr (-97H), al-Qāsim b. Muḥammad b. Abī Bakr (106H), Sālim b. 'Abd Allāh b. 'Umar (-105H), Abū Idrīs al-Khawlāni (-80H) dan ramai lagi.⁹

Ibn Shihāb al-Zuhrī dikurniakan kecerdasan dan kekuatan hafalan. Beliau pernah mengatakan, "Aku tidak pernah melakukan persiapan dalam menyampaikan hadis dan aku tidak pernah ragu tentang hafalanku kecuali satu hadis, lalu aku tanyakan kepada saudaraku, ternyata itu pun sama dengan yang aku hafal."¹⁰ Beliau menulis keseluruhan apa yang didengarnya. Abū al-Zinād (-130 H) berkata: "Aku pernah bersama Ibn Shihāb menghadiri majlis para ulama dan dia membawa lembaran dan buku tulis. Dia menulis apa sahaja yang dia dengar."¹¹

⁸ Muḥammad b. Sa'd al-Zuhrī (1968), *al-Tabaqāt al-Kubrā*, t.q. Ihsān 'Abbās, j. 2, Bayrūt: Dār Ṣādir, h. 388. Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Ismā'il b. Ibrāhīm al-Ju'ffī al-Bukhārī (t.t), *al-Tārīkh al-Kabīr*, t.q. al-Sayyid Hāshim al-Nadawī, j. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 220, Abū Ḥātim Muḥammad b. Ḥibbān al-Bustī (1975), *al-Thiqāt*, t.q. al-Sayyid Sharaf al-Dīn Aḥmad, j. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 359-360, Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad b. 'Uthmān al-Dimashqī al-Dhahabī (1985), *Siyar A'lām al-Nubālā*', j. 5, Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 326, Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (2003), *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr wa al-A'lām*, t.q. Bashshār 'Awwād Ma'rūf, j. 3, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, h. 499. Abū al-Fidā' Ismā'il b. 'Umar b. Kathīr al-Qurashī Ibn Kathīr (t.t), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 9, Bayrūt: Maktabah al-Ma'ārif, h. 340-348 dan Khayr al-Dīn b. Maḥmūd b. Muḥammad al-Zarkalī (2002), *al-A'lām*, j. 7, t.t: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 97.

⁹ Muḥammad Ḥasan Shurrāb berusaha mengira jumlah keseluruhan guru al-Zuhrī. Beliau mendapati angkanya 100 atau lebih. Tambah beliau, barangkali masih terdapat 100 yang lain yang ditinggalkan oleh sejarawan. Lihat Muḥammad b. Muḥammad Ḥasan Shurrāb (1993), *Al-Imām al-Zuhri 'Ālim al-Hijāz wa al-Shām*, Bayrūt: Dār al-Qalam, h. 165.

¹⁰ Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (1998), *op. cit.*, j.1, h. 84.

¹¹ Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (1985), *op.cit.*, 328.

Selain itu, al-Zuhri dikenali sebagai seorang yang kaya lagi dermawan. Imām Mālik b. Anas (-179 H) berkata: “Ibn Shihāb terdiri daripada manusia yang dermawan.”¹² Beliau menerima sumbangan daripada para pemerintah dan mengagihkan kepada murid-muridnya. Di samping itu, al-Zuhri memiliki kedudukan yang tinggi dan mempunyai hubungan yang baik dengan enam orang khalifah daripada Bani Umaiyyah, khususnya Bani Marwān. Ia bermula dengan ‘Abd al-Malik b. Marwān (-86 H), diikuti dengan empat anaknya iaitu al-Walīd (-96 H), Sulaymān (-99 H), Yazīd (-105 H) dan Hishām (-124 H) serta ‘Umar b. ‘Abd al-‘Azīz (-101 H).¹³

Kehidupan beliau makmur dengan menuntut dan menyebarkan ilmu hadis, fiqah dan sejarah (*al-maghāzi*) selama 70 tahun. Imam al-Zuhri meninggal dunia pada 17 Ramadan tahun 124 H di perkampungan Adāmī berhampiran dengan Palestin.¹⁴

1. Sumbangan Ibn Shihāb al-Zuhri Dalam Bidang Hadis

Realiti tentang ketokohan Ibn Shihāb al-Zuhri sebagai perawi utama Ahli Sunnah pada zaman *tābi‘īn*, dapat kita amati melalui perbincangan tentang sumbangan beliau dalam bidang hadis. Hakikat ini dapat dilihat pada aspek-aspek berikut:

- a. Beliau adalah antara tokoh-tokoh awal yang membukukan hadis secara rasmi dengan arahan daripada Khalifah ‘Umar b. ‘Abd al-‘Azīz (-101 H).¹⁵ Naskhah-naskhah itu kemudiannya dihantar kepada setiap gabenor bagi segenap wilayah.¹⁶

¹² *Ibid*, j. 5,h. 338.

¹³ Muḥammad b. Muḥammad Ḥasan Shurrāb (1993), *op.cit*, h. 124.

¹⁴ *Ibid*, h. 373-382.

¹⁵ Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (852 H) menjelaskan bahawa pada peringkat awal sebahagian sahabat dan *tābi‘īn* tidak gemar menulis hadis. Mereka mendahuluikan periyawatan hadis secara hafalan sebagaimana mereka menerima juga dengan cara hafalan. Namun, zaman berlalu dan bakat dan kekuatan hafalan mula berkurangan. Justeru, para ulama mula menulis hadis. Tambah beliau, tokoh pertama yang membukukan hadis ialah Ibn Shihāb al-Zuhri dengan arahan daripada ‘Umar b. ‘Abd al-‘Azīz pada awal tahun 100 H. Selepas itu, kegiatan penulisan dan pembukuan hadis semakin giat dan banyak kebaikan muncul daripadanya. Aḥmad b. ‘Alī b. Ḥajar, Abū al-Faḍl al-‘Asqalānī (1379 H), *Fath al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*. j. 1, Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, h. 208.

¹⁶ Ibn ‘Abd al-Barr Abū ‘Umar Yusuf b. ‘Abd Allāh al-Namrī al-Qurṭubī (1994), *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlih*, t.q. Abū al-Ashbāl al-Zuhri, j.1, Riyāḍ: Dār Ibn al-Jawzī, h. 331.

- b. Kira-kira 90 hadis yang hanya diriwayatkan melalui riwayat al-Zuhri dengan sanad-sanad yang baik.¹⁷ Manakala sejumlah lebih 40 orang perawi yang mana riwayat mereka hanya diambil oleh al-Zuhri.¹⁸ Beliau menyebarkan hadis dan ilmu pada segenap pelosok Tanah Arab seperti Ḥijāz, Shām, ‘Irāq dan Mesir. Beliau telah melahirkan murid-murid yang tersohor dari tempat-tempat tersebut seperti Imām Mālik b. Anas (-179 H), Sufyān b. ‘Uyaynah (-198H), al-Layth b. Sa‘d (-175H), al-Awzā‘ī (-157H), Muḥammad b. al-Munkadir (-130 H), Qatādah b. Di‘āmah (-118 H), Ibn Abī Dhi’b (-158 H), Shu‘ayb b. Abī Ḥamzah (-162 H) dan lain-lain.¹⁹
- c. Al-Zuhri giat berkempen kepada periwayatan hadis berserta dengan sanadnya. Sufyān b. ‘Uyaynah (-198 H) berkata. “Pada suatu hari, al-Zuhri menyampaikan satu hadis. Saya berkata kepadanya: “Sampaikanlah hadis itu tanpa sanad.” Beliau berkata: “Adakah aku akan menaiki bumbung rumah tanpa tangga?”²⁰
- d. Al-Zuhri juga memiliki jumlah riwayat yang banyak. Para ulama seperti ‘Alī b. al-Madīnī (-234 H) dan Abū Dāwūd (-275 H) menyatakan bahawa jumlah hadis yang diriwayatkan oleh al-Zuhri adalah sebanyak 2200 teks hadis.²¹ Menurut kiraan Syeikh Dhīyāb al-Ğāmidī, bilangan hadis al-Zuhri yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* dan kitab-kitab lanjutannya berjumlah 1415 teks hadis.²²
- e. Terdapat tujuh sanad paling sahih (*aṣāḥ al-asānīd*) yang melalui jalur periwayatan al-Zuhri. Sanad-sanad yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

¹⁷ Muslim b. al-Hajjāj, Abū al-Ḥusayn al-Naysābūrī (t.t), *Sahīḥ Muslim*, t.q. Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, j.3, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 1268.

¹⁸ Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (2003), *op. cit.*, h. 449.

¹⁹ Yūsuf b. al-Zakiy al-Mizzī (1980), *op. cit.*, j. 26, h. 427-431 dan Muḥammad b. Muḥammad Ḥasan Shurrāb (1993), *op.cit.*, h. 196-213.

²⁰ ‘Abd al-Raḥmān b. Abī Bakr, Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (t.t), *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*, t.q. ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf, Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Hadīthah, h. 160.

²¹ Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (1998), *op. cit.*, j.1, h. 83. Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (1985), *op. cit.*, j. 5, h. 328

²² Riwayat-riwayat al-Zuhri terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*, *Muwaṭṭa’ Imam Mālik*, *Musnad Imam Aḥmad*, *Musnad al-Dārimī* dan kitab-kitab hadis lain. Muḥammad b. Yahyā al-Dhuhlī (-252 H) telah mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh al-Zuhri dalam kitabnya yang bertajuk *al-Zuhrawiyyāt*. Usaha ini disempurnakan oleh dua tokoh terkemudian iaitu Abū ‘Alī al-Ḥusayn b. Muḥammad al-Māsarjāsī (-365 H) dan Abū Bakr b. Mihrān al-Naysābūrī (-295 H). Lihat Muḥammad ‘Ajjāj b. Muḥammad Tamīm (1980), *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 499-500 dan Dhīyāb b. Sa‘d al-Ḥamdān, al-Ğāmidī, (1433 H), *Tawrīq al-Minnah li ḥuffāz al-Asānīd wa al-Sunnah*, t.t.p: t.p, h. 73.

- Imam Ahmad (-241 H) dan Ishāq b. Rāhūyah (238 H) berpendapat sanad paling sahih ialah riwayat al-Zuhrī daripada Sālim b. ‘Abd Allāh (-106 H) daripada Ibn ‘Umar (-73 H).²³
- Menurut al-Hākim (-405 H), sanad di atas adalah sanad paling sahih yang meriwayatkan hadis ‘Umar b. al-Khaṭṭāb (-23 H)²⁴ atau
- Melalui riwayat al-Zuhrī daripada al-Sā’ib b. Yazīd (-91 H) daripada ‘Umar.²⁵
- ‘Abd al-Razzāq (-211 H), Ibn Abī Shaybah (-235 H) dan al-Nasā’ī (-303 H) pula memilih jalur riwayat al-Zuhrī daripada ‘Alī Zayn al-‘Ābidīn (-95 H) daripada bapanya al-Ḥusayn r.h. (-61 H) daripada ‘Alī b. Abī Ṭālib r.h. (-40 H).²⁶
- Riwayat al-Zuhrī daripada ‘Ubayd Allāh b. ‘Abd Allāh al-Hudhalī (-98 H) daripada Ibn ‘Abbās (-68 H) daripada ‘Umar (-23 H).²⁷
- Menurut al-Hākim (405H), sanad paling sahih bagi hadis Abū Hurayrah r.h. (-59 H) ialah melalui riwayat al-Zuhrī daripada Sa‘īd b. al-Musayyab (-94 H),²⁸ dan
- Sanad yang paling sahih bagi hadis ‘Āishah r.h. (-57 H) melalui al-Zuhrī daripada ‘Urwah b. al-Zubayr (-97 H).²⁹

²³ Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Naysābūrī al-Hākim (1977), *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Hadīth*, t.q. al-Sayyid Muazzim Ḥusayn Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, h. 99. Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān al-Sakhawī (2003), *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth li al-‘Irāqī*, j. 1, Miṣr: Maktabah al-Sunnah, h. 37 dan ‘Abd al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūtī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 77.

²⁴ ‘Abd al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūtī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 83.

²⁵ *Ibid.*


²⁶ Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Naysābūrī al-Hākim (1977), *op. cit.*, h. 99. Ahmad b. ‘Alī b. Thābit Abū Bakr, al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t), *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*, t.q. Abū ‘Abd Allāh al-Sūraqī, al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 397. Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān al-Sakhawī (2003), *op. cit.*, j. 1, h. 37-38 dan ‘Abd al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūtī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 78.

²⁷ ‘Abd al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūtī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 85.

²⁸ *Ibid.*, j. 1, h. 86.

²⁹ Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Naysābūrī al-Hākim (1977), *op. cit.*, h. 99 dan ‘Abd al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūtī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 87.

Rajah 1: Sanad Hadis Paling Sahih Melalui Jalur Periwayatan al-Zuhri



Sumber: Analisis Sanad Paling Sahih, November 2015.

Justeru, jelaslah bahawa al-Zuhri telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam ilmu hadis sama ada pada aspek *riwāyah* muah pun *dirāyah*. Para sarjana Islam daripada Ahli Sunnah yang sezaman dengan beliau dan terkemudian bersepakat mengiktiraf sifat amanah, warak, keluasan ilmu dan ketekunan beliau. Antara sanjungan dan pujian ulama Ahli Sunnah kepada al-Zuhri adalah seperti berikut:

- i. Makhūl (-112 H) pernah ditanya, “Siapa orang yang paling alim yang pernah engkau jumpai?” Beliau menjawab, “Ibn Shihāb.” Lalu ditanya lagi, “Siapa lagi?” Beliau menjawab, “Ibn Shihāb.” “Dan siapa lagi?” Beliau tetap menjawab, “Ibn Shihāb.”³⁰
- ii. Ibn Ḥibbān (-354 H) menyatakan bahawa al-Zuhri adalah orang yang paling banyak menghafal hadis pada zamannya dan paling teratur periwayatannya.³¹
- iii. Al-Dhahabī (-748 H) berkata: “Antara yang menunjukkan kekuatan hafalan Imam al-Zuhri adalah beliau mampu menghafal al-Quran hanya dalam masa 80 malam.”³²

³⁰ Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (1985), *op. cit.*, j. 5, h. 336.

³¹ Abū Ḥātim Muḥammad b. Ḥibbān al-Bustī (1959), *Mashāhīr 'Ulamā' al-Amṣār*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 66.

³² Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Dhahabī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 84.

Masih banyak lagi pujian ulama terhadap ketokohan beliau. Namun begitu, terdapat juga kritikan dan teguran daripada ulama Sunni terhadap al-Zuhri seperti:

- Sikap dermawan yang melampaui batas sehingga menyebabkan beliau terpaksa berhutang.
- Hubungan erat dengan pemerintah. Pendirian ini tidak disenangi oleh beberapa ulama hadis.
- Melakukan *irsāl*, *tadlīs* dan *idrāj* dalam periwatan hadis.

Menurut Syeikh Shukr Allāh b. Ni‘mat Allāh, kritikan tersebut serius namun tidak mampu melunturkan kredibiliti dan ketokohan al-Zuhri.³³ Kritikan dan teguran itu bukanlah mencemarkan maruah atau meragui sifat amanah pada al-Zuhri kerana beliau memiliki sudut pandang dan alasan yang tersendiri dalam melakukan perkara-perkara tersebut.

2. Kritikan Syiah dan Orientalis Terhadap Ibn Shihāb al-Zuhri

Mengkritik tokoh atau perawi utama dalam satu-satu aliran memberi impak besar kepada aliran tersebut. Musuh golongan Sunni seperti Syiah dan Orientalis menjadikan dua perawi hadis yang utama iaitu Abū Hurayrah r.h. (-59 H) dan al-Zuhri sebagai sasaran serangan. Jika kritikan itu berjaya, maka kesannya adalah sebahagian besar hadis-hadis yang diriwayatkan oleh dua tokoh tersebut diragui, seterusnya akan menjelaskan syariat Islam itu sendiri.

Tuduhan Syiah seperti Ahmad al-Ya‘qubī (-290 H)³⁴ dan Orientalis seperti Ignaz Goldziher (-1921)³⁵ terhadap al-Zuhri boleh dirumuskan kepada aspek-aspek berikut:

³³ Abū al-Qāsim ‘Alī b. al-Hasan b. Hibat Allāh Ibn ‘Asākir (1982), “al-Zuhri” dalam *Tārikh Dimashq* t.q. Shukr Allāh b. Ni‘mat Allāh Qūjānī, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, h. 14-15.

³⁴ Beliau ialah Ahmad b. Abī Ya‘qub Ishbāq, seorang ahli sejarah dan geografi. Beliau tinggal di Baghdad dan berfahaman Syiah. Lihat Ahmad b. Abī Ya‘qub b. Ja‘far al-Ya‘qubī (2010), *Tārikh al-Ya‘qubī*, t.q. Abd al-Amīr Mahnā, j. 2, Bayrūt: Syarikat al-A‘lamī li al-Maṭbū‘āt, h. 176-177 dan al-Zarkalī (2002), *op. cit.*, j. 1, h. 95.

³⁵ Ignaz Goldziher seorang Yahudi yang lahir di Székesfehérvár, Hungaria pada 22 Jun 1850. Dia adalah sarjana Barat yang pertama kali melakukan kajian tentang hadis. Karyanya yang terkenal adalah berjudul *Muhammedanische Studien* (Studi Islam) yang menjadi “kitab suci” para orientalis hingga kini. Lihat Ignaz Goldziher (1973), *Muslim Studies*, t.q. C. R. Barber dan S. M. Stern, Britain: Suny Press, h. 46-47.

- a. Al-Zuhri telah diperalatkan oleh khalifah-khalifah Bani Umaiyyah untuk mencipta hadis bagi menyokong kerajaan dan menyerang musuh mereka. Terdapat beberapa riwayat yang dianggap menyokong tuduhan itu, namun riwayat tersebut tidak sahih atau diputar belit.³⁶
- b. Al-Zuhri telah dilantik sebagai kadi oleh kerajaan Bani Umaiyyah.

Alasan-alasan yang dikemukakan tersebut tidak relevan untuk membuat kesimpulan bagi meragui integriti yang ada pada al-Zuhri. Hubungan baik dengan pemerintah tidak menjatuhkan amanah dan kredibiliti seseorang ulama. Malah ia boleh dijadikan saranan untuk menyampaikan kebenaran kepada khalifah tanpa perantaraan. Selain itu, sikap tegas al-Zuhri terhadap khalifah telah dinyatakan dalam beberapa riwayat.³⁷ Tidak adil bagi golongan Orientalis mengkritik al-Zuhri hanya kerana beliau mempunyai hubungan yang erat dengan pemerintah.

Justeru, al-Zuhri kekal sebagai tokoh unggul ilmu hadis. Beliau disanjung tinggi dalam kalangan ulama Ahli Sunnah. Bahkan mereka

³⁶ Contoh riwayat yang diputar belit ialah riwayat Ibn ‘Asākir dalam *Tārīkh Dimashq* yang menyebutkan bahawa al-Walīd b. Ibrāhim al-Umawī pernah datang kepada al-Zuhri sambil membawa lembaran hadis. Dia meminta kepada al-Zuhri agar memberikan keizinan kepadanya untuk meriwayatkan hadis yang ada dalam lembaran yang dibawanya itu. Lalu al-Zuhri membenarkannya tanpa ragu, sambil mengatakan: “Siapa yang dapat memberitakan isi lembaran itu kepada tuan selain daripada saya.” Goldziher menyatakan kisah ini seolah-olah al-Walīd b. Ibrāhim al-Umawī membawa lembaran hadis-hadis palsu untuk diperakui oleh al-Zuhri. Walhal, ini adalah bentuk ‘ard al-munāwalaḥ antara murid yang membentangkan apa yang ditulis kepada gurunya. Manakala contoh riwayat palsu adalah apa yang dinyatakan oleh Aḥmad al-Ya‘qūbī dan dipetik oleh Ignaz Goldziher tentang ‘Abd al-Malik b. Marwān membina kubah batu sebagai ganti kepada Kaabah. Menurut riwayat, ‘Abd al-Malik memperalatkan al-Zuhri dengan memalsukan hadis tentang kelebihan Syām dan Masjid al-Aqṣā. Kisah ini ternyata bercanggah dengan fakta sejarah dan hanya al-Ya‘qūbī, seorang penulis sejarah bagi Kerajaan ‘Abbasiah sahaja yang menyebut tentangnya. Lihat Abū al-Qāsim ‘Alī b. al-Ḥasan b. Hibat Allāh Ibn ‘Asākir (1995), *Tārīkh Dimashq*, t.q. ‘Amr b. Gharāmah al-Umrawī, j. 7, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 247. Ignac Goldziher (1973), *op. cit.*, j. 2, h. 47 dan Aḥmad b. Abī Ya‘qūb b. Ja‘far al-Ya‘qūbī (2010), *op. cit.*, j. 2, h. 177-178.

³⁷ Ibn ‘Asākir meriwayatkan bahawa Hishām b. ‘Abd al-Malik pernah bertanya al-Zuhri tentang ayat surah al-Nūr iaitu siapa individu yang membawa berita bohong itu. Lalu al-Zuhri menjawab: “Dia adalah ‘Abd Allāh b. Ubayy b. Salūl.” Hisyam menjawab: “Kamu berbohong, dia adalah ‘Alī b. Abū Ṭālib.” Dengan marah, al-Zuhri menempelak, “Kamu katakan saya berbohong? Celakalah kamu! Demi Allah! Sekiranya ada suara yang memanggil dari langit menyerukan bahawa Allah telah menghalalkan dusta, nescaya saya tidak akan berdusta. Telah menceritakan kepada saya ‘Urwah b. al-Zubayr, Sa‘īd b. al-Musayyab, ‘Ubayd Allāh b. ‘Abd Allāh dan ‘Alqamah b. Waqqāṣ, semua mereka daripada ‘Aishah bahawa individu yang membawa berita dusta itu ialah ‘Abd Allāh b. Ubayy. Lihat ‘Alī b. al-Ḥasan b. Hibat Allāh Ibn ‘Asākir (1995), *op. cit.*, j. 55, h. 37.

bersepakat menerima ketinggian ilmu dan ketekunan sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar.³⁸

PENGENALAN RINGKAS ZURĀRAH B. A'YAN

Perawi utama bagi Syiah pula ialah Zurārah b. A'yan. Beliau ialah Zurārah b. A'yan b. Sansan al-Shaybānī. *Kunya* beliau ialah Abū Ḥasan atau Abū 'Alī. Dikatakan bahawa Zurārah adalah gelaran dan namanya yang sebenar ialah 'Abd Rabbih. Datuknya iaitu Sansan, seorang hamba berbangsa Rom milik kabilah Bani Shaybān. Zurārah tinggal di kota Kūfah.³⁹

Zurārah b. A'yan dan saudara-saudaranya memiliki riwayat daripada tiga tokoh utama Syiah iaitu Imam Abū Ja'far Muḥammad b. 'Alī al-Bāqir (-114 H), Imam Abū 'Abd Allāh Ja'far b. Muḥammad al-Ṣādiq (-148 H) dan Mūsā b. Ja'far al-Kāzim (-183 H).⁴⁰ Menurut al-Najāshī (-450 H), Zurārah adalah seorang qari, faqih, ahli kalam, penyair dan mahir dalam bidang sastera. Terkumpul dalam dirinya banyak kemuliaan, kelebihan dan agama. Beliau bersikap benar dalam apa yang diriwayatkan.⁴¹

Beliau terkenal sebagai pemuka kumpulan al-Zarāriyah, salah satu cabang daripada puak pelampau Syiah.⁴² Zurārah meninggal dunia pada tahun 150 H bersamaan 767 M.⁴³ Menurut al-Khū'i (1992), Zurārah meninggal dunia dua bulan atau kurang selepas kematian Ja'far al-Ṣādiq.⁴⁴

³⁸ Ahmād b. 'Alī b. Ḥajar Abū al-Faḍl al-'Asqalānī (1986), *Taqrīb al-Tahdhīb*. Dimashq: Dār al-Rashīd, h. 506.

³⁹ Muḥammad b. al-Ḥasan Abū Ja'far al-Ṭūsī (t.t), *al-Fahrasat*, t.q. Muḥammad Ṣādiq Ālī Baḥr al-Ulum, Najaf: al-Maktabah al-Murtadawiah, h. 74. Al-Zarkalī (2002), *op. cit.*, j. 3, h. 43 dan 'Abd al-Nabī al-Jazā'īrī (1318H), *Ḩāwi al-Aqwāl fī Ma'rifa al-Rijāl*, j. 1, Qum: Riyāḍ al-Nāṣirī, h. 389.

⁴⁰ Muḥammad b. al-Ḥasan Abū Ja'far al-Ṭūsī (t.t), *op. cit.*, h. 74 dan Ihsān Ilāhī Zahīr al-Bākistānī (1979), *op. cit.* h. 174.

⁴¹ Ahmād b. 'Alī b. Ahmād Abū al-'Abbās al-Najāshī (2010), *Rijāl al-Najāshī*, Bayrūt: Sharikah al-A'lamī, h. 172 dan 'Abd al-Nabī al-Jazā'īrī (1318 H), *op. cit.*, j. 1, h. 389.

⁴² 'Abd al-Qāhir b. Ṭāhir al-Baghdādī (1977), *al-Farq Bayn al-Firaq*, Bayrūt: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, h. 52 dan al-Zarkalī (2002), *op. cit.*, j. 3, h. 43.

⁴³ Ahmād b. 'Alī b. Ahmād al-Najāshī (2010), *op. cit.*, h. 172 dan al-Zarkalī (2002), *op. cit.*, j. 3, h. 43.

⁴⁴ Al-Sayyid Abū al-Qāsim al-Mūsawī al-Khū'i (t.t), *Mu'jam Rijāl al-Hadīth*, j. 8, Najaf: Mu'assasah al-Imām al-Khū'i al-Islāmiyyah, h. 228.

1. Kedudukan Zurārah b. A‘yan Dalam Periwayatan Syiah

Zurārah b. A‘yan diterima sebagai perawi utama dalam kalangan ulama Syiah. Riwayatnya banyak dijadikan sandaran, sama ada dalam bidang akidah, hukum-hakam, adab dan sebagainya. Zurārah dianggap tokoh penting dalam kalangan Syiah kerana dia adalah perawi daripada tiga imam Syiah.⁴⁵

Abu ‘Abd Allāh Ja‘far al-Ṣādiq (-148 H) berkata: “Semoga Allah merahmati Zurārah b. A‘yan, seandainya tidak ada Zurārah dan orang-orang sepertinya, maka tidak akan tersisa hadis-hadis bapaku a.s.”⁴⁶ Beliau juga menyatakan: “Tidak ada yang menghidupkan sebutan tentang kami dan hadis-hadis ayahku melainkan Zurārah (-150 H), Abū Baṣīr Layth al-Murādī, Muḥammad b. Muslim (-150 H) dan Burayd b. Mu‘āwiyah al-‘Ajlī (-150 H). Seandainya tidak ada mereka berempat, maka tidak ada seorang pun yang dapat *istinbāt* daripada hal ini. Merekalah penjaga agama dan kepercayaan ayahku atas apa yang dihalalkan Allah dan yang diharamkan olehNya. Dan mereka terdahulu kepada kami di dunia dan terdahulu kepada kami di akhirat.”⁴⁷ Ja‘far (-148 H) juga berkata: “Wahai Zurārah, sesungguhnya nama kamu tersenarai dalam kalangan nama penghuni syurga.”⁴⁸

Al-Kishshī (-350 H) menegaskan bahawa terdapat ijmak dalam kalangan ulama Syiah tentang kejujuran dan integriti pada perawi terkemuka daripada Abu Ja‘far a.s (-114 H) dan Abu ‘Abd Allāh a.s (148 H) dan penguasaan mereka dalam ilmu fiqh. Tambah beliau, para ulama menyatakan bahawa enam orang antara mereka yang paling faqih adalah Zurārah, Ma‘ruf b. Kharrabudh, Burayd, Abu Baṣīr al-Asdī, Fuḍayl b. Yasar, Muḥammad b. Muslim al-Tāifī.” Mereka berkata: “Yang paling faqih antara mereka berenam adalah Zurārah.”⁴⁹

Ibn Dāwūd al-Ḥillī (-740 H) pula menyenaraikan Zurārah b. A‘yan dalam kitabnya, *Rijāl Ibn Dāwūd* dalam bahagian pertama yang

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Muḥammad b. al-Ḥasan Abū Ja‘far al-Ṭūsī (2006), *Rijāl al-Kishshī*, t.q. Jawād al-Fayyūmī, Qum: Mu’assasah al-Nashr al-Islāmī, h.126.

⁴⁷ *Ibid*, 126-127.

⁴⁸ *Ibid*, 123.

⁴⁹ Muḥammad b. ‘Ali al-Ḥāfiẓ (1403H), *Jāmi‘ al-Ruwāh*, j. 2, Qum: Maktabah Ayāt Allāh al-‘Uzmā al-Mar‘ashī al-Najafī, h. 335 dan Muḥammad b. al-Ḥasan al-Hurrāl-‘Āmilī (t.t), *Wasā'il al-Shī‘ah*, j. 20, Qum: Mu’assasah Āli al-Bayt li Iḥyā’ al-Turāth, h. 79.

memuatkan perawi-perawi yang terpuji.⁵⁰ Ibn al-Muṭahhar al-Ḥillī (726 H) pula menyimpulkan bahawa walaupun terdapat riwayat yang mencela Zurārah b. A‘yan, namun masih boleh diterima riwayatnya⁵¹ Al-Ḥā’iri (-1100 H) dalam *Jāmi‘ al-Ruwāḥ* menyimpulkan bahawa Zurārah sebagai perawi yang *thiqah* (dipercayai).⁵²

Zurārah b. A‘yan banyak meriwayatkan ucapan dan khabar daripada imam-imam Syiah. Al-Khū’ī menjelaskan bahawa keseluruhan riwayat Zurārah dalam kitab-kitab hadis utama Syiah mencecah 2094 riwayat. Riwayatnya daripada Abū Ja‘far al-Bāqir terdapat pada 1236 teks. Manakala riwayat daripada Abū Ja‘far dan Abū ‘Abd Allāh pada 82 teks. Riwayatnya daripada Abū ‘Abd Allāh al-Ṣādiq sahaja terdapat pada 449 teks dan riwayatnya daripada salah seorang daripada dua imam tersebut pada 56 teks.⁵³

Rumusannya, tidak diragui lagi bahawa Zurārah memiliki kedudukan yang istimewa sebagai perawi utama dan menjadi pegangan bagi Syiah. Meskipun begitu, terdapat banyak riwayat daripada imam-imam Ahli Bayt yang mencela dan melaknat Zurārah. Jika demikian, bagaimanakah kedudukan sebuah aliran yang menjadikan tokoh pentingnya seorang individu yang dicela dan dilaknat?

2. Zurārah b. A‘yan Perawi Terlaknat dan Tercela

Ensiklopedia utama bagi perawi-perawi Syiah iaitu kitab *Rijāl al-Kishshī* memuatkan sejumlah riwayat daripada imam-imam Syiah yang menggambarkan Zurārah b. A‘yan seorang perawi yang tercela. Malah, celaan-celaan itu keras sehingga mencapai tahap *takfīr*. Analisis riwayat celaan terhadap Zurārah b. A‘yan boleh diklasifikasikan seperti berikut:

Jadual 1: Analisis Riwayat Celaan Terhadap Zurarah Dalam Kitab *Rijāl al-Kishshī*

No.	<i>Al-Jarh</i> (Jenis Celaan)	<i>Kitab Rijāl al-Kishshī</i>	
		H	No.
1.	Laknat daripada imam Ja‘far al-Ṣādiq.	134	27
		136	30
			34

⁵⁰ Al-Ḥasan b. ‘Ali b. Dāwūd al-Ḥillī (1972), *Kitāb al-Rijāl*, t.q. Muḥammad Ṣādiq Āli Baḥr al-‘Ulūm, Najaf: al-Maṭba‘ah al-Hayriyyah, h. 97.

⁵¹ Al-Ḥasan b. Yūsuf b. al-Muṭahhar al-Ḥillī (1431 H), *Khulāṣah al-Aqwāl fī Ma‘rifah al-Rijāl*, t.q. Jawād al-Qayyūmī, Qum: Mu’assasah Nashr al-Faqāhah, h. 152.

⁵² Muḥammad b. ‘Ali al-Ḥā’iri (1403H), *op. cit.*, j. 1, h. 342.

⁵³ Al-Sayyid Abū al-Qāsim al-Mūsawīl-Khū’ī (t.t), *op. cit.*, j. 8, h. 254.

2.	Lebih keji daripada Yahudi dan Nasrani. ⁵⁴	144	60
3.	Mengkhianati Abū Ja‘far al-Bāqir.	142	52
4.	Pembuat bid‘ah tercela dan kezaliman. ⁵⁵	133	23
			24
		135	29
		136	34
		137-138	38
5.	Sengaja berdusta ke atas Ja‘far al-Şādiq ⁵⁶	131	17
		134	27
		136	31
			32
6.	Sengaja melewatkan solat.	131	17
7.	Ja‘far al-Şādiq mendedahkan keburukan Zurārah dan berlepas diri daripadanya.	133	21
		137	36
		138-139	40
		139	42
		144	59
			61
			62
8.	Mati dalam kesesatan tanpa iman.	136	33
		143	56
9.	Ja‘far al-Şādiq mengancam Zurārah dengan neraka.	135	28
10.	Mencela Ja‘far al-Şādiq.	133	21
		135	27
		142-143	54
		143	55
12.	Melepaskan kentut pada janggut Ja‘far al-Şādiq.	143-144	58

⁵⁴ Misalnya, Abu ‘Abd Allāh (-148 H) berkata kepada Abū Baṣīr: “Wahai Abu Baṣīr, akan ada 12 orang yang tidak seorang pun yang membuat bidaah dalam Islam setanding bidaah yang diadakan oleh Zurārah. Laknat Allah ke atasnya.” *Ibid*, h. 144.

⁵⁵ Misalnya, Abū ‘Abd Allāh (-148 H) berkata: “Jangan kamu mempedulikannya. Dan jika dia sakit janganlah kamu menziarahinya. Jika dia mati, janganlah kamu menghadiri jenazahnya. Benar, Zurārah lebih buruk daripada Yahudi dan Nasrani dan daripada orang yang mengatakan bahawa bersama Allah tiga daripada yang tiga.” *Ibid*, h. 136.

⁵⁶ Abū ‘Abd Allāh (-148 H) berkata: “Dia berdusta ke atas diriku. Demi Allah, dia telah berdusta ke atas diriku. Demi Allah, semoga Allah melaknat Zurārah. Semoga Allah melaknat Zurārah. Semoga Allah melaknat Zurārah.” Lihat Muḥammad b. al-Ḥasan-al-Tūsī (2006), *op. cit.*, h. 134-135.

13.	Meragui status imam pada Mūsā al-Kāzim.	139-140	44
		140	45
		140-141	46
		141	47
			48
			49
14.	Menganggap pendapatnya lebih baik daripada <i>athar</i> .	141-142	50
		142	51
Jumlah Riwayat Celaan		38	

Sumber: Kitab *Rijāl al-Kishshī*, perawi no. 63 (h. 123-145)

Dalam sumber yang lain, Ja'far al-Ṣādiq juga pernah mengancamnya dengan neraka kerana beriktikad bahawa beliau mengetahui keadaan dirinya di akhirat kelak.⁵⁷ Sebagai tindak balas, terdapat juga riwayat celaan Zurārah b. A'yan terhadap Ahli Bayt. Misalnya riwayat Zurārah melaknat Ja'far al-Ṣādiq⁵⁸ dan bersikap biadab dengan melepaskan kentut pada janggut Ja'far.⁵⁹

⁵⁷ Sufyān b. 'Uyaynah meriwayatkan daripada Ibn al-Sammāk, dia berkata: "Aku ingin pergi menuaikan haji, maka Zurārah b. A'yan iaitu saudara kepada 'Abd al-Malik b. A'yan berkata kepadaku: "Jika kamu menemui Ja'far b. Muhammad, maka sampaikan salamku kepadanya dan katakan kepadanya, "khabarkan kepadaku adakah aku akan berada di dalam syurga atau neraka?". (Ibn al-Sammāk) berkata: "Maka aku menemui Ja'far b. Muhammad dan aku berkata kepadanya: "Wahai putera Rasulullah, adakah tuan mengenali Zurārah b. A'yan?". Beliau menjawab: "Ya, seorang *rāfiḍah* yang keji". (Ibn al-Sammāk) berkata: "Dia menyampaikan salam kepadamu dan bertanya "Adakah aku akan masuk syurga atau di neraka?". Beliau berkata "Maka khabarkan kepadanya bahawa dia di dalam neraka." Kemudian beliau berkata: "Tahukah kamu, dari mana aku mengetahui dia *rāfiḍah*? Sesungguhnya dia menganggap aku mengetahui yang ghaib. Sesiapa yang menganggap ada orang yang mengetahui yang ghaib selain Allah, maka dia telah kafir dan orang kafir berada di dalam neraka. Lihat Abū Yūsuf Sufyān b. Ya'qūbal-Fasawī (1981), *al-Ma'rīfah wa al-Tārīkh*, t.q. Akram al-'Umarī, j. 2, Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 672 dan Muḥammad b. 'Umar b. Mūsā Abū Ja'far al-'Uqaylī (1984), *Kitāb al-Du'a'afā' al-Kabīr*, t.q. 'Abd al-Mu'tī Amīn, j. 2, Bayrūt: Dār al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 96.

⁵⁸ Ibnu Muskān mendengar Zurārah berkata: "Semoga Allah merahmati Abū Ja'far. Ada pun Ja'far, maka dalam hatiku terdapat lakan untuknya." Lihat; Muḥammad b. al-Ḥasan al-Ṭūsī (2006), *op. cit.*, h. 132-133.

⁵⁹ Al-Kishshī meriwayatkan bahawa Zurārah pernah bertanya Abū 'Abd Allāh tentang lafadz tasyahhud. Maka, 'Abū 'Abd Allāh berkata: "*Attahiyyāt wa aṣ-ṣalawāt..*" Jawapan itu tidak memuaskan hati Zurārah. Dia mengulangi pertanyaan itu beberapa kali pada waktu yang lain. Namun, jawapannya tetap sama. Lalu Zurārah berkata: "Maka ketika saya keluar, saya membuang angin pada janggutnya. Lalu saya berkata: "Dia tidak akan beruntung selamanya." Muḥammad b. al-Ḥasan Abū Ja'far al-Ṭūsī (2006), *op. cit.*, h. 144-145.

Kontradiksi hukum sangat ketara dalam ilmu *Rijāl* Syiah, khususnya dalam memberikan kedudukan perawi, status riwayat dan hadis-hadis mereka. Bagi menghadapi kritikan Ahli Sunnah, ulama Syiah mengemukakan pendirian dan alasan berikut:

- a. Semua pujian adalah sahih dan semua celaan adalah daif.

Syiah tidak konsisten dalam menilai riwayat pujian dan celaan terhadap Zurārah b. A'yan. Misalnya penilaian mereka terhadap perawi bernama Muḥammad b. Isā b. 'Ubayd. Apabila dia meriwayatkan pujian kepada Zurārah, maka riwayatnya diterima tanpa analisa. Sebaliknya, celaan yang diriwayatkan olehnya pula dianggap lemah. Tindakan ini oleh 'Abd al-Nabī al-Jazā'īrī (-1021 H) dalam kitabnya, *Hāwī al-Aqwāl* ketika memuji Zurārah yang diriwayatkan oleh Abū 'Abd Allāh.⁶⁰

Selain itu, al-Khū'ī menyenaraikan sekurang-kurangnya 22 riwayat yang memuji Zurārah dalam *Mu'jām Rijāl al-Hadīth*. Beliau menyimpulkan secara umum bahawa sejumlah riwayat-riwayat ini adalah sahih.⁶¹ Sebaliknya, apabila al-Khū'ī menyenaraikan 35 riwayat yang mencela Zurārah, beliau mengkritik satu persatu sanad riwayat tersebut. Tambah beliau, seandainya ia sahih sekali pun, ia perlu ditakwilkan kerana faktor *taqiyyah* (berpura-pura).⁶² Justeru, ternyata bahawa tindakan dan cubaan dilaksanakan bagi mempertahankan perawi mereka dengan menggunakan metode yang tidak ilmiah, berunsur prejudis dan berat sebelah.

- b. Riwayat celaan perlu ditakwilkan kerana faktor *taqiyyah*.

'Abd al-Nabī al-Jazā'īrī (-1021 H) berpendapat bahawa selain menilai riwayat celaan sebagai lemah, boleh juga riwayat-riwayat itu diterima. Namun, ia perlu ditakwilkan dengan makna yang betul atau ia berpunca daripada *taqiyyah*.⁶³ Buktinya, al-Kishshī (-350 H) meriwayatkan dengan sanadnya bahawa Abu 'Abd Allāh menghantar utusan kepada Zurārah b. A'yan, menjelaskan bahawa celaan terhadapnya atas dorongan untuk menghindari Zurārah daripada disakiti oleh musuh Syiah.⁶⁴

⁶⁰ 'Abd al-Nabī al-Jazā'īrī (1318 H), *op. cit.*, j. 1, h. 393-394.

⁶¹ Al-Sayyid Abū al-Qāsim al-Mūsawī al-Khū'ī (t.t), *op. cit.*, j. 8, h. 229-237.

⁶² *Ibid.*, j. 8, h. 237-253.

⁶³ 'Abd al-Nabī al-Jazā'īrī (1318 H), *op. cit.*, j. 1, h. 392.

⁶⁴ Muḥammad b. al-Ḥasan al-Ṭūsī (2006), *op. cit.*, h. 127-129.

Syiah menggunakan riwayat tersebut untuk membela Zurārah tanpa mengambil kira aspek periyawatan anak Zurārah iaitu ‘Abd Allāh yang berkemungkinan besar bermaksud untuk mempertahankan bapanya.⁶⁵ Dalam hal ini, Syiah tidak memiliki jawapan mapan terhadap riwayat lakinat dan celaan kepada Zurārah selain faktor *taqiyah*. Malah, mereka sendiri tidak mampu mengemukakan kaedah pemisah bagi membezakan antara ucapan yang mengandungi *taqiyah* dan tanpa *taqiyah*.⁶⁶ Jika kerana *taqiyah* sekali pun, adakah celaan perlu hingga melaknat dan mengkafirkannya? Mengapa Ja‘far al-Šādiq perlu menggunakan *taqiyah* dengan mencela penyokongnya sedangkan beliau tokoh disegani dan dihormati oleh Ahli Sunnah? Jika kerana *taqiyah* sekali pun, mengapa Zurārah perlu bertindak balas dengan berdusta di atas nama Ja‘far, mencelanya dan bertindak tidak senonoh terhadapnya?

- c. Menafikan kewujudan riwayat yang mencela Zurārah b. A‘yan dan seumpamanya.

Sebahagian ulama Syiah kontemporari cuba menutup keaiban Syiah dengan menafikan kewujudan riwayat yang mencela perawi-perawi seperti Zurārah b. A‘yan, Muḥammad b. Muslim, Mukmin al-Ṭāq dan lain-lain. Menurut Sharaf al-Dīn al-Mūsawī, beliau telah cuba meneliti riwayat celaan terhadap perawi-perawi utama mereka. Keputusan akhir kajianya menunjukkan bahawa riwayat itu tidak berasas dan hanya rekaan musuh.⁶⁷

Ternyata penafian kewujudan riwayat yang mencela dan melaknat Zurārah adalah percubaan yang sia-sia. Kitab-kitab *Rijāl* yang muktamad di sisi Syiah seperti *al-Fahrasat* dan *Rijāl al-Kishshī* karangan al-Ṭūsī (-460H) mengandungi berbelas riwayat yang mencela Zurārah b. A‘yan. Dakwaan bahawa musuh telah campur tangan pada kandungan sumber-sumber utama mereka hanya menghilangkan kepercayaan pengikut kepada keaslian dan autentik sumber itu.

⁶⁵ Nāṣir b. ‘Abd Allāh b. ‘Ali al-Qafārī (1428H), *Mas’alah al-Taqrīb Bayn Ahl al-Sunnah wa al-Shī‘ah*, j.1, t.tp: Dār al-Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzī, h. 381.

⁶⁶ *Ibid*, j.1, h. 283.

⁶⁷ Sharaf al-Dīn ‘Abd al-Ḥusayn al-Mūsawī (t.t) ,op. cit., h. 533.

Menurut ulama Ahli Sunnah pula, Zurārah b. A‘yan seorang perawi *rāfiḍah* tercela dan tersenarai dalam perawi-perawi yang lemah.⁶⁸ Diceritakan kepada Sufyān b. ‘Uyaynah (-198 H) bahawa Zurārah meriwayatkan daripada Abū Ja‘far (al-Bāqir) secara bertulis, lalu Sufyān berkata: “Zurārah tidak pernah melihat Abu Ja‘far. Dia hanya mengutip ucapannya sahaja.”⁶⁹ Pernyataan bahawa Zurārah melihat Abū Ja‘far Muḥammad b. ‘Ali juga dinafikan oleh Sufyān al-Thawrī (-161 H).⁷⁰ Tambahan pula, antara kaedah penting dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta‘dil* ialah apabila terdapat pada seseorang perawi pujian dan kritikan, maka hendaklah didahulukan kritikan sekiranya diperincikan sebabnya.⁷¹ Justeru, Zurārah b. A‘yan dikritik dengan celaan yang serius pada aspek akhlak dan kewujudan pemisah antara beliau dan imam Syiah itu sendiri.

Realitinya, Syiah tidak sesekali menerima kritikan Ahli Sunnah terhadap perawi mereka. Namun, ulama mereka juga tidak menerima riwayat-riwayat celaan daripada imam-imam, sedangkan imam pada iktikad mereka adalah maksum. Justeru, kebenaran sukar dicari dalam periwayatan Syiah dan mazhab mereka dibina menurut hawa nafsu ulama dan perawi yang tercela.⁷²

RUMUSAN PERBANDINGAN

Berdasarkan maklumat tentang latar belakang Ibn Shihāb al-Zuhrī dan Zurārah b. A‘yan serta kedudukan mereka dalam aliran masing-masing, penulis berusaha untuk membandingkan kedua-dua tokoh tersebut berdasarkan aspek-aspek berikut:

⁶⁸ Muḥammad b. ‘Umar al-‘Uqaylī (1984), *op. cit.*, j. 2, h. 96 dan Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad b. ‘Uthmān al-Dimashqī al-Dhahabī (1967), *Dīwān al-Dū‘afā’ wa al-Matrūkīn*, t.q. Ḥammād b. Muḥammad al-Anṣārī. Makkah: Maktabah al-Nahḍah al-Hadīthah, h. 143.

⁶⁹ ‘Abd al-Raḥmān b. Muḥammad b. Idrīs Ibn Ābī Ḥātimal-Rāzī (1952), *al-Jarh wa al-Ta‘dil*, j. 1, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 37 dan Aḥmad b. ‘Alī b. Ḥajar Abū al-Faḍl al-‘Asqalānī (2002), *Lisān al-Mizān*, t.q. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, j. 3, Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, h. 496.

⁷⁰ Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad b. ‘Uthmān al-Dhahabī (1963), *Mīzān al-I’tidāl fi Naqd al-Rijāl*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, h. 70.

⁷¹ Muqbil b. Hādī al-Wādi’ī (2004), *Al-Muqtarāh fī Ajwibah Ba‘d As’ilah al-Muṣṭalah*, Ṣanā‘a: Dār al-Āthār li al-Nashr wa al-Tawzī’, h. 186.

⁷² Nāṣir b. ‘Abd Allāh b. ‘Ali al-Qafārī (1414 H), *Uṣūl Madhhab al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnay ‘Ashariyyah*: ‘Ard wa Naqd, j. 1, t.tp: t.p, h. 383.

1. **Peringkat zaman:** Al-Zuhri dan Zurarah berada pada zaman yang hampir sama iaitu antara tahun 50 hingga 150 H. Mereka berdua hidup sekitar 80 tahun.
2. **Sumbangan dan peranan dalam aliran:** Al-Zuhri meninggalkan jasa dan sumbangan yang sangat besar dalam bidang hadis. Beliau adalah tokoh pertama yang menyusun dan menulis hadis dengan perintah Khalifah 'Umar b. 'Abd al-'Aziz. Sebanyak 2200 hadis diriwayatkan oleh al-Zuhri, 90 daripadanya hanya melalui *tarīq* beliau. Beliau memiliki skala periwayatan hadis yang luas di pelosok Tanah Arab dan melahirkan ramai ilmuan besar dalam bidang hadis. Al-Zuhri antara tokoh yang giat berkempen ke arah periwayatan hadis bersama sanadnya. Malah, kebanyakan sanad yang diiktiraf paling sahih adalah melalui jalur periwayatan al-Zuhri. Zurarah pula dianggap perawi utama dan dipercayai kerana memiliki banyak riwayat daripada tiga imam utama Syiah, iaitu al-Bāqir, Ja'far al-Ṣādiq dan al-Kāzim, tiada sumbangan lain yang direkodkan dalam ilmu periwayatan Syiah.
3. **Kedudukan dari segi *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*:** Ahli Sunnah bersepakat mengiktiraf dan menyanjung tinggi kedudukan al-Zuhri, sama ada pada ilmu dan peribadinya. Tiada sebarang riwayat yang mencela beliau, melainkan daripada Syiah, diikuti oleh Orientalis. Sementara itu, terdapat banyak riwayat yang memuji Zurarah. Namun, berbelas riwayat yang melaknat, mencela peribadi dan akhlaknya daripada imam-imam Syiah sendiri. Dia seorang perawi yang lemah menurut Ahli Sunnah. Jika ini keadaan perawi utama, bagaimana halnya dengan perawi-perawi yang lain?
4. **Taburan riwayat dalam kitab-kitab utama:** Dalam *al-Kutub al-Sittah*, terdapat 1415 hadis yang diriwayatkan oleh al-Zuhri. Manakala bilangan riwayat Zurarah dalam kitab-kitab utama Syiah berjumlah 2094 riwayat.

Oleh yang demikian, segala usaha untuk meragukan umat Islam terhadap hadis Nabi S.A.W dengan menimbulkan keraguan terhadap perawi utama Ahli Sunnah iaitu Ibn Shihab al-Zuhri adalah sia-sia. Pada sudut lain, Ahli Sunnah perlu berusaha membongkar kedudukan perawi-perawi Syiah, sebagai pembuktian bahawa Syiah tidak dibina di atas al-Quran dan Sunnah, malah dengan asas hawa nafsu yang disaluti dengan *taqiyyah*.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan tentang Ibn Shihāb al-Zuhrī dan Zurārah b. A‘yan, dapat disimpulkan bahawa kedudukan perawi utama bagi sesuatu aliran amatlah penting. Perawi utama akan menjadi sasaran serangan pihak musuh, dengan tujuan menimbulkan keraguan terhadap apa yang disampaikan. Justeru, Syiah dan Orientalis membuat tuduhan palsu terhadap Ibn Shihāb al-Zuhrī bagi menimbulkan keraguan dalam kalangan Ahli Sunnah. Dalam pada itu, kitab *Rijāl* mereka merekodkan banyak riwayat daripada para imam mereka yang mencela perawi utama mereka iaitu Zurārah b. A‘yan. Ulama mereka tidak memiliki jawapan konkret bagi membelanya, melainkan ia adalah kerana faktor *taqīyyah*. Selain memiliki kepincangan dalam akidah, Syiah juga tidak memiliki metode penilaian riwayat yang kukuh sebagaimana Ahli Sunnah.

BIBLIOGRAFI

- Al-‘Āmilī, Muḥammad b. al-Ḥasan al-Ḥurr (t.t), *Wasā’il al-Shī‘ah*, Qum: Mu’assasah Āli al-Bayt li Iḥyā’ al-Turāth.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Ali b. Ḥajar, Abū al-Faḍl (1379H), *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Baghdādī, ‘Abd al-Qāhir b. Ṭāhir (1977), *al-Farq Bayn al-Firaq*, Bayrūt: Dār al-Āfāq al-Jadīdah.
- Al-Bākistānī, Iḥsān Ilāhī Zāhir (1979), *al-Sunnah wa al-Shī‘ah*, Lāhūr: Idārah Turjumān al-Sunnah.
- Al-Bustī, Mūhammad b. Ḥibbān Abū Ḥatim (1959), *Mashāhīr ‘Ulamā’ al-Amṣār*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad b. ‘Uthmān al-Dimashqī (1967), *Dīwān al-Qu‘afā’ wa al-Matrūkīn*, t.q. Hammād b. Muḥammad al-Anṣārī, Makkah: Maktabah al-Nahḍah al-Ḥadīthah.
-
- (1982), “al-Zuhrī” dalam *Tārikh Dimashq*, t.q. Shukr Allāh b. Ni‘mat Allāh Qūjānī, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.

(1972), *Kitāb al-Rijāl*, t.q. Muḥammad Ṣādiq Āli Baṛ al-‘Ulūm, Najaf: al-Maṭba‘ah al-Ḥayriyyah.

(2002), *Lisān al-Mizān*, t.q. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islamiyyah.

(1963), *Mīzān al-I‘tidāl fī Naqd al-Rijāl*, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.

(2006), *Rijāl al-Kishshī*, t.q. Jawād al-Fayyūmī, Qum: Mu’assasah al-Nashr al-Islāmī.

(1985), *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.

(1998), *Tadhkīrah al-Huffāz*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

(1986), *Taqrīb al-Tahdhīb*, Dimashq: Dār al-Rashīd.

(2003), *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr wa al-A‘lām*, t.q. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.

(1414H), *Uṣūl Madhhab al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnay Ashariyyah*: ‘Arḍ wa Naqd, t.tp: t.p.

Al-Fasawī, Abū Yūsuf Sufyān b. Ya‘qūb (1981), *al-Ma‘rifah wa al-Tārīkh*, t.q. Akram al-‘Umarī, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.

Al-Ghāmidī, Dhiyāb b. Sa‘d Āli Ḥamdān (1433H), *Tawrīq al-Minnah li Huffāz al-Asānīd wa al-Sunnah*, t.tp: t.p.

Al-Ḥā’irī, Muḥammad b. ‘Ali (1403H), *Jāmi‘ al-Ruwāh*, Qum: Maktabah Āyāt Allāh al-Uzmā al-Mar‘ashī al-Najafī.

Al-Ḥākim, Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Naysābūrī (1977), *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Hadīth*, t.q. al-Sayyid Muazzim Ḥusayn, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Ḥillī, al-Ḥasan b. Yūsuf b. al-Muṭahhar (1431H), *Khulāṣah al-Aqwāl fī Ma‘rifah al-Rijāl*, t.q. Jawād al-Qayyūmī, Qum: Mu’assasah Nashr al-Faqāhah.

Al-Jazāirī, ‘Abd al-Nabī (1318H), *Hāwī al-Aqwāl fī Ma‘rifah al-Rijāl*, Qum: Riyāḍ al-Nāṣirī.

Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Aḥmad b. ‘Ali b. Thābit Abū Bakr (t.t), *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwayah*, t.q. Abū ‘Abd Allāh al-Sūraqī, al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-‘Ilmiyah.

Al-Khū’ī, al-Sayyid Abū al-Qāsim al-Mūsawī (t.t), *Mu‘jam Rijāl al-Hadīth*, Najaf: Mu’assasah al-Imām al-Khū’ī al-Islāmiyyah.

Al-Mizzī, Yūsuf b. al-Zakiy ‘Abd al-Rahmān Abū al-Hajjāj (1980), *Tahdhīb al-Kamāl*, t.q. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.

Al-Mūsawī, Sharaf al-Dīn ‘Abd al-Ḥusayn (t.t), *al-Murāja‘at*, t.q. Ḥusayn al-Rādī, t.tp: Mu’assasah Dār al-Kitāb al-Islāmī.

Al-Najāshī, Aḥmad b. ‘Ali b. Aḥmad Abū al-‘Abbās (2010), *Rijāl al-Najāshī*, Bayrūt: Sharikah al-A‘lamī.

Al-Qafārī, Nāṣir b. ‘Abd Allāh b. ‘Ali (1428H), *Mas’alah al-Taqrīb Bayn Ahl al-Sunnah wa al-Shī‘ah*, t.tp: Dār al-Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Al-Qurṭubī, Ibn ‘Abd al-Barr Abū ‘Umar Yusuf b. ‘Abd Allāh al-Namrī (1994), *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Fadlih*, t.q. Abū al-Ashbāl al-Zuhrī, Riyāḍ: Dār Ibn al-Jawzī.

Al-Rāzī, ‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. Idrīs Ibn Abī Ḥātim (1952), *al-Jarh wa al-Ta‘dīl*, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Sakhawī, Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān (2003), *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth li al-‘Irāqī*, Miṣr: Maktabah al-Sunnah.

- Al-Suyūtī, ‘Abd al-Rahmān b. Abī Bakr, Jalāl al-Dīn (t.t), *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*, t.q. ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf, Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Hadīthah.
- Al-Ṭūsī, Muḥammad b. al-Ḥasan Abū Ja‘far (t.t), *al-Fahrasat*, t.q. Muḥammad Ṣādiq Āli Bah̄r al-‘Ulūm, Najaf: al-Maktabah al-Murtaḍawiah.
- Al-‘Uqaylī, Muḥammad b. ‘Umar b. Mūsā Abū Ja‘far (1984), *Kitāb al-Ḍu‘afā’ al-Kabīr*, t.q. ‘Abd al-Mu‘tī Amīn, Bayrūt: Dār al-Maktabah al-‘Ilmiyah.
- Al-Wādi‘ī, Muqbil b. Hādī (2004), *al-Muqtarah fī Ajwibat Ba‘d As’ilah al-Muṣṭalah*, Ṣana‘a: Dār al-Āthār li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Ya‘qūbī, Aḥmad b. Abī Ya‘qūb b. Ja‘far (2010), *Tārīkh al-Ya‘qūbī*, t.q. ‘Abd al-Amīr Mahnā, Bayrūt: Syarikah al-A‘lamī li al-Maṭbū‘āt.
- Al-Zarkalī, Khayr al-Dīn b. Maḥmūd b. Muḥammad (2002), *al-A‘lām*, t.t.p: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsim ‘Ali b. al-Ḥasan b. Hibat Allāh (1995), *Tārīkh Dimashq*, t.q. ‘Amr b. Gharāmah al-‘Umrawī, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ignac Goldziher (1973), *Muslim Studies*, t.q. C. R. Barber dan S. M. Stern, Britain: Suny Press.
- Muslim b. al-Ḥajjāj, Abū al-Ḥusayn al-Naysābūrī (t.t), *Sahīḥ Muslim*, t.q. Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Shurrāb, Muḥammad b. Muḥammad Ḥasan (1993), *al-Imām al-Zuhrī ‘Ālim al-Hijāz wa al-Shām*, Bayrūt: Dār al-Qalam.
- Muḥammad ‘Ajjāj b. Muḥammad Tamīm (1980), *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, Bayrūt: Dār al-Fikr.